

05/08/2003

Jepun perlu agresif realisasi forum Asian + 3

Kadir Dikoh; Norliza Abdullah; Zainab Mohd Yatim

JEPUN perlu lebih agresif dalam usaha merealisasikan forum Asean + 3 (China, Jepun dan Korea Selatan) sebagai sebuah ekonomi serantau yang lebih kukuh memandangkan ia kini sudah muncul sebagai pemimpin teknologi sejagat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selain mempunyai kepakaran dan teknologi yang boleh dikongsi bersama dengan negara anggota Asean, Jepun juga muncul sebagai sebuah negara kapitalis yang stabil.

"Sumbangan Jepun terutama dalam bidang kepakaran dan teknologi dapat membantu Asean secara keseluruhannya untuk bangkit menjadi sebuah kuasa ekonomi yang lebih kukuh," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampai ucap utama pada Kongres Asia Timur pertama bertajuk "Membina Komuniti Asia Timur: Hala Tuju Masa Depan" di sini, semalam.

Berikut adalah antara sedutan soal jawab selama kira-kira 45 minit yang dihadiri lebih 1,500 peserta mewakili 13 negara Asia Timur, termasuk isu berkisar kepada Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG):

Soalan: Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Jepun dalam masyarakat Asia Timur?

Dr Mahathir: Jepun boleh memainkan peranan penting dari segi ekonomi dan politik terutama kerana ia masih lagi menjadi peneraju dalam pembuatan inovatif dan pengeluaran. Pengetahuan pakar-pakar Jepun akan membawa perubahan di negara lain di rantau ini dengan menyebarkan pengetahuan ke bahagian lain di Asia Timur. Dari segi politik, kita memerlukan Jepun memfokus dan memikirkan dirinya sebagai sebuah negara Asia Timur dan Jepun menjadi maju kerana Asia Timur.

Jepun mempunyai peranan besar untuk dimainkan dan Jepun sebagai sebuah negara Asia Timur perlu merasakan sedikit kesetiaan kepada Asia Timur. Jepun memiliki teknologi serta kepakaran serta dilengkapi dengan modal bagi membolehkannya berdiri sendiri dan mampu bersaing dengan kuasa besar yang lain. Keupayaan itu membolehkannya menjadi pemimpin di rantau ini.

Sebagai sebahagian daripada ahli Asia Timur, Jepun dapat berkongsi kemahiran dan kepakaran dengan rakan dari rantaunya sendiri. Jepun tidak perlu khuatir kerana perkongsian teknologi dan kepakaran dengan negara Asia sendiri, mampu menjadikannya sebagai sebuah kuasa ekonomi yang lebih teguh. Keupayaan Jepun dalam bidang teknologi dapat dikongsi bersama dan dalam masa yang sama mampu membangun bersama-sama. Jepun perlu akur bahawa kedudukannya adalah sebahagian daripada Asia Timur. Jepun perlu berfikir mereka adalah sebahagian daripada ahli Asia Timur.

Kekayaan yang dinikmati oleh Jepun kini adalah hasil kerjasama rakan dari negara serantau. Jepun memainkan peranannya dalam merealisasikan usaha itu kerana kejayaan yang dinikmatinya kini adalah hasil daripada sokongan yang diberikan anggota Asia Timur. Pernah dulu, Jepun menjadikan Asia Timur sebagai pasaran awal bagi setiap produk keluarannya sebelum memasarkannya ke negara lain. Hasil kejayaan pasarannya di Asia Timur, barulah Jepun berani memasarkan produknya ke beberapa negara lain antaranya ke benua Eropah dan Amerika Syarikat.

Jepun berjaya menurunkan kadar harga barangan berasaskan teknologi bagi membolehkan semua pengguna dapat menikmatinya. Jepun sanggup mengecilkkan keuntungannya bagi membolehkan semua pihak dapat menikmati kemudahan teknologi ciptaan mereka. Langkah itu memberi peluang pengguna dari negara miskin memiliki lori pikap dan truk serta van ciptaan Jepun.

Usaha itu berbeza dengan pengeluaran Eropah di Eropah yang hanya

menghasilkan rekaan teknologi pada kuantiti yang kecil dengan tawaran harga yang lebih tinggi bagi membolehkannya menikmati keuntungan margin yang lebih tinggi.

Soalan: China adalah sebuah pasaran yang luas. Apakah penubuhan EAEG mempunyai kesan?

Dr Mahathir: Negara Asia Timur perlu mencari jalan untuk menembusi pasaran China meskipun persaingan sengit daripada kos pengeluarannya yang rendah. Tetapi kita percaya sebaik saja orang Cina menjadi lebih maju, ia tidak lagi akan menjadi pengeluar kos rendah seperti apa yang berlaku kepada Jepun sebelum ini. Pada ketika itu, kos mengeluarkan barang-barang di China akan meningkat dan pada satu tahap, mungkin kita boleh menembusi pasaran China dengan lebih mudah.

Soalan: Saya ingin meminta pandangan Dr Mahathir sebagai pejuang identiti dan kebebasan Asia mengenai soal Tabung Kewangan Asia (AMF). Apakah AMF ini cuma sebagai tambahan kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) atau boleh beroperasi secara berasingan?

Dr Mahathir: Saya pasti menyatakan bahawa AMF adalah sesuatu yang perlu kerana IMF itu sendiri tidak menggambarkan peranan antarabangsa seperti yang sepatutnya. Ia satu idea yang baik untuk mewujudkan satu badan yang akan memeriksa semua perkara yang telah saya sebutkan, agar kita dapat mengelak melakukan terlalu banyak kesilapan.

Bagaimanapun saya yakin kita pasti akan membuat silap tetapi kita mesti bersedia untuk membetulkan kesilapan agar sekiranya kesilapan itu dapat dikesan lebih awal oleh institusi khas ini, kita akan dapat mengelak daripada sebarang perbincangan besar yang membabitkan ramai orang yang tidak akan mencapai apa-apa keputusan.

Anda tahu apa terjadi kepada IMF ketika krisis kewangan. Apa yang mereka tawarkan, merosakkan ekonomi kita. Ini adalah satu sebab mengapa Malaysia menolak IMF.

Soalan: Apakah peranan yang dapat dimainkan oleh EAEG bersama kumpulan sedia ada yang lain seperti Asean dan Apec?

Dr Mahathir: Semua negara Asia Timur perlu bekerjasama untuk mendapat kesan maksimum dengan berinteraksi dan bertindak bersama-sama. Mengapa Eropah membentuk Kesatuan Eropah (EU), kerana ia pasti akan memberikan beberapa kelebihan kepada mereka manakala EAEG juga akan memberikan kita kelebihan yang sama.

Perjanjian akan lebih mudah dicapai dengan kumpulan lebih kecil yang berkongsi pemikiran yang sama untuk memberi sumbangan kepada rakyat menerusi pembangunan.

Mengapa negara Asia Timur tidak boleh bekerjasama? Kita tidak berperang antara satu sama lain, kita mesra antara satu sama lain dan sekiranya kita bekerjasama kita mampu mencapai kejayaan lebih besar terutama di peringkat antarabangsa.

Tiada salahnya mewujudkan perkumpulan Ekonomi Asia Timur, walaupun sekiranya negara-negara ini juga anggota Apec.